

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2024 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Syariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM664,481,962.05
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.41575

## How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana  
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	1.94%	5.47%	10.03%	13.33%	5.28%	17.71%	141.58%
Benchmark / Penanda Aras	2.07%	6.12%	10.92%	13.97%	-0.67%	7.27%	72.56%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.13%	-0.65%	-0.89%	-0.64%	5.95%	10.44%	69.02%

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	79.95
2 Takafulink Dana Sukuk	20.05

### Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	8.99
2 IHH Healthcare Berhad	4.54
3 Telekom Malaysia Berhad	4.13
4 PETRONAS Gas Berhad	3.86
5 Press Metal Berhad	3.76
6 Gamuda Berhad	3.72
7 PETRONAS Chemicals Group Berhad	3.61
8 TIME dotCom Berhad	3.42
9 Sime Darby Plantation Berhad	3.38
10 DIALOG Group Berhad	3.09

### Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.29
2 DanaInfra Nasional Berhad	2.88
3 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.65
4 YTL Power International Berhad	2.19
5 Danum Capital Berhad	2.11
6 Amlslamic Bank Berhad	2.10
7 Edra Energy Sdn Bhd	2.05
8 PONSIB Capital Berhad	2.02
9 Pengurusan Air SPV Berhad	1.98
10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	1.94

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2024 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equity

#### Market Review

Malaysian equities continued to register positive performance for the month of May. The continued uptrend could be due to decent 1Q24 earnings season, and M&A activities proposed which provided some excitement to the market. Month of May also saw an influx of data centre announcements from tech giants, as Microsoft CEO committed to USD2bn in investments, and this was followed by Google's USD2bn investments for data centres and cloud services. The technology sector saw significant gains in May, fueled by net purchases from foreign investors, responding positively to the launch of Malaysia's National Semiconductor Strategy on 28 May. EPF restructured their members contribution accounts to include an Account 3 (Flexible), for members to contribute 10% of their EPF savings (if they opt in) to Account 3, and future EPF contributions will automatically allocate 10% to Account 3. This together with the PM's announcement of a revised salary scheme for civil servants which will see a hike of up to 13% may help consumer spending to remain resilient. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 12,392.36, up 2.54% MoM. The FBM Small Cap Shariah index gained 4.44% for the month and outperformed the FBM Emas Shariah Index.

#### Market Outlook

Domestically, equity markets have performed well thus far, with investor sentiment improving running on themes relating to Johor, data centres and NETR. Recent buying support to the equity market could be the result of funds flowing back to Malaysia with the intention to invest domestically, post the government and BNM's encouragement of GLICs and GLCs to repatriate dividends to Malaysia. The recent EPF account 3 announcement may start seeing member withdrawals as soon as 12 May 2024 onwards which could boost consumer spending. However, this could be mitigated by the expected petrol/diesel subsidy rationalization expected to be rolled out in 2H2024. The shape and form of this measure have yet to be announced. Overall, we are cautious about the potential inflationary impact of the subsidy removals, and higher commodity prices resulting in companies raising prices. The Malaysian's commitment to the boycott of goods and services from companies deemed to be in support of Israel has been strong, leading to F & B outlet closures, which may have a longer-term negative impact for investment in Malaysia and on employment opportunities for Malaysians. Nevertheless, equity markets may still be buoyant driven by the ample liquidity. Any correction in the market will provide us the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

### Fixed Income

#### Market Review

The Malaysia Government Securities ("MGS") yield curve bull flattened during the month as demand for duration surged, driven by global bonds finding some respite from steady US inflation prints and weaker-than-expected US economic data. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.59% (-2bps), 3.69% (-7bps), 3.85% (-4bps), 3.91% (-7bps), 4.03% (-3bps), 4.13% (-12bps) and 4.22% (-8bps), respectively in May. Meanwhile, the Malaysian Government Investment Issue ("GII") yield curve bull steepened, with short-end yields falling more than long-end yields, reversing the movement seen in April. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year GII closed at 3.58% (-8bps), 3.70% (-10bps), 3.82% (-6bps), 3.91% (-9bps), 4.02% (-7bps), 4.16% (-6bps), and 4.25% (-4bps) respectively in May. During the month, Bank Negara Malaysia ("BNM") maintained its overnight policy rate at 3% for the sixth consecutive meeting in May 2024, with policymakers emphasizing that the current monetary policy stance continues to support the economy and aligns with the present evaluation of inflation and growth prospects. Malaysia's GDP grew by 4.2% in Q1 2024, surpassing the consensus and advanced estimate of 3.9%. This marks the first upward revision from the advanced estimate since its introduction in Q3 2023. The accelerated growth was driven by a faster expansion in the services sector, which grew by 4.7% (advanced estimate: 4.4%, Q4 2023: 4.1%). Meanwhile, Malaysia's headline inflation remained steady at 1.8% in April (March: 1.8%), slightly below the market expectation of 1.9%. A higher increase in food prices of 2.0% in April (March: 1.7%) was offset by a smaller increase in transportation costs of 0.8% (March: 1.3%). Utility costs remained high at 3.0% (March: 3.0%) following the revised tariffs in February. Year-to-date inflation registered at 1.7%, but the rate is likely to pick up in the coming months in anticipation of the rollout of fuel subsidy rationalisation in the second half of 2024, with the diesel subsidy expected to begin as early as June 2024. Producer prices in Malaysia increased by 1.9% year-on-year in April 2024, up from a 1.6% rise in the previous month. This marks the third consecutive month of rising producer inflation and the highest rate since December 2022. On a monthly basis, producer prices rose 0.5% in April 2024, slowing from a 1.6% increase in the previous month. The Employee's Provident Fund ("EPF") received 2.86 million applications to transfer RM8.78 billion into Flexible Account 3 up to 22 May, the provident fund announced on 27 May. It anticipates that only RM25 billion will be withdrawn from Flexible Account 3 this year, which is about 44% of the RM57 billion that could be withdrawn if every member below age 55 opts in and empties their accounts. Prime Minister Anwar announced that the Cabinet has agreed to rationalize fuel subsidies, starting with diesel in Peninsular Malaysia, resulting in savings of RM4 billion. While the exact implementation date was not provided, registrations for the diesel fleet card system are expected to begin next month, making June the earliest possible start date. In addition to the newly announced cash aid for small businesses, the continued provision of diesel subsidies to public transportation, logistical vehicles, and East Malaysia will help mitigate inflationary impacts.

#### Market Outlook

Economic data releases for the month of June will include May S&P Global Manufacturing PMI (Apr: 49.0) on 4 June, May trade data on 20 June, May CPI (Apr: 1.8%) on 24 June and May PPI (Apr: 1.9%) on 27 June. Meanwhile, the next MPC meeting will be on 7 July. Slightly lower gross MGS/GII supply for 2024 should provide positive catalyst for the local bond market. Additionally, the market is past the heavy net supply in the first four months and will turn favorable for the remaining part of the year. In June, there will be three auctions featuring a higher supply of MGII duration, with no auction on new issuances scheduled. These auctions will comprise the reopening auction of the 20-year GII 8/43 and the 30-year 3/54, alongside the reopening auction of the 3-year MGS 5/27. The reference benchmark yield curve flattened, evidenced by the narrowing of term spreads across all durations, with the 30-year versus 3-year spreads experiencing the most tightening during the month. Corporate bond yields fell on a monthly basis, with the AAA corporate bond yield curve bull-steepened as the ultra-long yield decreased by a smaller margin, while the AA corporate bond yield curve bull-flattened as yields on the longer end of the curve fell the most. Credit spreads generally narrowed on a monthly basis, except for the 5- and 20-year maturities, where spreads widened by 2 to 5 basis points across all rating bands. Additionally, the 3-year GG spread also widened by 2bps during the month.

### Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.94% for the month underperforming the benchmark return of 2.07% by 0.13%. Year-to-date, the fund returned 9.34% underperforming the benchmark return of 10.38% by 1.04%. The underperformance in May was due to the underperformance in the equity portion against its benchmark. As of May 2024, the Fund has 79.95% exposure in equities and 20.05% in sukuk.

### Ekuiti

#### Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia terus mempersempahkan prestasi positif di bulan Mei. Aliran menaik yang berterusan mungkin disebabkan oleh musim pendapatan 1Q24 yang baik, di samping aktiviti M&A yang dicadangkan menyuntik sedikit keterujaan kepada pasaran. Bulan Mei juga merakamkan kemasukan pengumuman pusat data daripada gergasi teknologi, apabila Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft komited kepada pelaburan USD2 bilion, seterusnya diikuti oleh pelaburan USD2 bilion Google ke atas pusat data dan perkhidmatan awan. Sektor teknologi mencatat peningkatan ketara pada Mei, didorong oleh

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2024 melainkan jika dinyatakan

pembelian bersih daripada pelabur asing yang bertindak balas secara positif kepada pelancaran Strategi Semikonduktor Kebangsaan Malaysia pada 28 Mei. KWSP menstruktur semula akaun caruman ahlinya untuk memasukkan Akaun 3 (Fleksibel), buat ahli yang mencarum 10% daripada simpanan KWSP mereka (jika membuat pilihan tersebut) ke Akaun 3, manakala caruman KWSP mendatar secara automatik akan memperuntukkan 10% kepada Akaun 3. Penstrukturian ini berserta pengumuman PM mengenai skim gaji penjawat awam yang disemak semula mungkin akan menyaksikan peningkatan sehingga 13% mungkin membantu perbelanjaan pengguna agar kekal mampan. Indeks FBM Emas Syariah menutup bulan pada 12,392.36, naik 2.54% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Syariah memperoleh 4.44% untuk bulan tersebut, mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

## Gambaran Bulanan

Di dalam negeri, pasaran ekuiti menunjukkan prestasi yang baik setakat ini, dengan sentimen pelabur yang semakin baik berikutan tema berkaitan Johor, pusat data dan NETR. Sokongan belian kepada pasaran ekuiti baru-baru ini mungkin dihasilkan oleh dana yang mengalir kembali ke Malaysia dengan sasaran untuk melabur dalam negara, menyusul galakan dari kerajaan dan BNM terhadap GLIC dan GLC untuk menyalurkan dividen ke Malaysia. Pengumuman akaun 3 KWSP baru-baru ini mungkin akan mula menggalakkan pengeluaran ahli seawal 12 Mei 2024 lalu memungkinan perbelanjaan pengguna meningkat. Namun begitu, ia boleh ditampakan dengan jangkaan rasionalisasi subsidi petrol/ diesel yang dijangka akan dilaksanakan pada 2H2024. Bentuk dan rupa langkah ini masih belum diumumkan. Secara keseluruhan, kami berhati-hati tentang potensi kesan inflasi akibat pemansuhan subsidi, dan harga komoditi yang lebih tinggi menyebabkan syarikat menaikkan harga. Komitmen rakyat Malaysia terhadap pemboikotan barangan dan perkhidmatan daripada syarikat yang dianggap menyokong Israel terus utuh, lalu membawa kepada penutupan rangkaian kedai F&B, yang mungkin mempunyai kesan negatif jangka panjang ke atas pelaburan di Malaysia dan peluang pekerjaan buat rakyat Malaysia. Sungguhpun begitu, pasaran ekuiti mungkin masih rancak, didorong oleh kecairan yang lebih dari mencukupi. Apa-apa pembetulan dalam pasaran akan memberi kita peluang untuk mengumpul saham berasas kukuh.

## Pendapatan Tetap

### Tinjauan Bulanan

Keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") mendatar pada bulan ini apabila permintaan ke atas tempoh melonjak, didorong oleh kelegaan bon global berikutan cetakan inflasi US yang stabil di samping data ekonomi US yang lebih lemah daripada jangkaan. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.59% (-2 mata asas), 3.69% (-7 mata asas), 3.85% (-4 mata asas), 3.91% (-7 mata asas), 4.03% (-3 mata asas), 4.13% (-12 mata asas) dan 4.22% (-8 mata asas), pada Mei. Sementara itu, keluk hasil Terbitan Kerajaan Malaysia ("GII") meningkat secara bulis, dengan hasil jangka pendek jatuh lebih banyak daripada hasil akhir panjang, lalu membalikkan pergerakan yang dilihat pada April. GII 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing menutup bulan dagangan pada 3.58% (-8bps), 3.70% (-10 mata asas), 3.82% (-6 mata asas), 3.91% (-9 mata asas), 4.02% (-7 mata asas), 4.16% (-6 mata asas) dan 4.25% (-4 mata asas) pada Mei. Pada bulan tinjauan, Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan kadar dasar semalaman 3%, melalui mesyuarat keenam berturut-turut pada Mei 2024, dengan penggubal dasar menekankan bahawa pendirian dasar monetari sedia ada terus menyokong ekonomi dan sejajar dengan penilaian inflasi semasa dan prospek pertumbuhan. KDNK Malaysia meningkat 4.2% pada Q1 2024, melangkaui anggaran konsensus dan anggaran awal sebanyak 3.9%. Ia merakamkan semakan menaik yang pertama daripada anggaran awal sejak diperkenalkan pada 3Q 2023. Pertumbuhan yang pesat didorong oleh pengembang sektor perkhidmatan yang lebih pantas, mengembang 4.7% (anggaran awal: 4.4%, 4Q 2023: 4.1%). Sementara itu, inflasi keseluruhan Malaysia kekal stabil pada 1.8% di bulan April (Mac: 1.8%), sedikit di bawah jangkaan pasaran 1.9%. Kenaikan harga makanan yang lebih tinggi iaitu 2.0% pada April (Mac: 1.7%) diimbangi oleh peningkatan kos pengangkutan 0.8% yang lebih kecil (Mac: 1.3%). Kos utiliti kekal tinggi pada 3.0% (Mac: 3.0%) berikutan tarif yang disemak pada Februari. Inflasi sejak awal tahun sehingga kini dicatat pada 1.7%, namun kadar tersebut mungkin meningkat pada bulan-bulan mendatar jangkaan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api pada separuh kedua 2024, dengan subsidi diesel dijangka bermula seawal Jun 2024. Harga pengeluaran di Malaysia meningkat 1.9% tahun ke tahun pada April 2024, meningkat daripada kenaikan 1.6% pada bulan sebelumnya. Ia menandakan kenaikan inflasi pengeluar buat bulan ketiga berturut-turut dan kadar tertinggi sejak Disember 2022. Menurut asas bulanan, harga pengeluar meningkat 0.5% pada April 2024, memperlahankan daripada kenaikan 1.6% pada bulan sebelumnya. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") menerima 2.86 juta permohonan untuk memindahkan RM8.78 bilion ke dalam Akaun Fleksibel 3 sehingga 22 Mei, sebaik kumpulan wang simpanan itu mengumumkannya pada 27 Mei. Ia menjangkakan bahawa hanya RM25 bilion akan dikeluarkan daripada Akaun Fleksibel 3 pada tahun ini, iaitu kira-kira 44% daripada RM57 bilion yang boleh dikeluarkan jika setiap ahli di bawah umur 55 tahun ikut serta dan mengosongkan akaun tersebut. Perdana Menteri Anwar mengumumkan bahawa Kabinet telah bersetuju untuk melaksanakan subsidi bahan api, bermula dengan diesel di Semenanjung Malaysia, yang menghasilkan perjimatan RM4 bilion. Walaupun tarikh pelaksanaan yang tepat belum lagi diberikan, namun pendaftaran buat sistem kad armada diesel dijangka akan bermula bulan depan, lalu menjadikan Jun tarikh mula yang paling awal. Di samping bantuan tunai buat perniagaan kecil yang baru sahaja diumumkan, pemberian subsidi diesel yang berterusan kepada pengangkutan awam, kenderaan logistik dan Malaysia Timur akan membantu mengurangkan kesan inflasi.

## Gambaran Bulanan

Pelepasan data ekonomi bagi bulan Jun termasuk S&P Global Manufacturing PMI Mei (Apr: 49.0) pada 4 Jun, data dagangan Mei pada 20 Jun, CPI Mei (Apr: 1.8%) pada 24 Jun dan PPI Mei (Apr: 1.9%) pada 27 Jun. Sementara itu, mesyuarat MPC seterusnya akan diadakan pada 7 Julai. Penawaran MGS/GII kasar yang rendah sedikit bagi 2024 seharusnya memberikan pemangkin positif ke atas pasaran bon tempatan. Selain itu, pasaran melepasi penawaran bersih yang banyak dalam empat bulan pertama dan akan berubah lebih baik untuk baki tahun ini. Pada Jun, akan terdapat tiga lelongan yang menampilkan penawaran tempoh MGII yang lebih banyak, tanpa lelongan terbitan baharu dijadualkan. Lelongan tersebut terdiri daripada lelongan pembukaan semula GII 8/43 20 tahun dan 3/54 30 tahun, di samping lelongan pembukaan semula MGS 5/27 3 tahun. Keluk hasil penanda aras rujukan mendatar, dibuktikan dengan penyempitan terma spread merentasi semua tempoh, dengan spread 30 tahun berbanding 3 tahun mengalami pengetatan paling banyak pada bulan tersebut. Hasil bon korporat jatuh menurut asas bulanan, dengan keluk hasil bon korporat AAA meningkat dengan ketara apabila hasil ultra-panjang menurun dengan margin yang lebih kecil, manakala keluk hasil bon korporat AA mendatar ekoran hasil keluk yang lebih panjang jatuh paling banyak. Spread kredit secara amnya mengecil pada asas bulanan, kecuali yang bertempoh matang 5 dan 20 tahun, dengan spread melebar 2 hingga 5 mata asas merentasi semua jalur penarafan. Selain itu, sebaran GG 3 tahun juga melebar 2 mata asas pada bulan tersebut.

## Tinjauan & Strategi Dana

Dana menyampaikan pulangan 1.94% pada bulan ini tidak mengatasi prestasi pulangan penanda aras 2.07% dengan perbezaan 0.13%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memulangkan 9.34% tidak mengatasi prestasi pulangan penanda aras 10.38% dengan perbezaan 1.04%. Prestasi rendah pada Mei disebabkan oleh prestasi suram bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga Mei 2024, Dana mempunyai 79.95% pendedahan dalam ekuiti dan 20.05% dalam sukuk.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2024 melainkan jika dinyatakan

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

*Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.*

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL